

15 DEC 1997

Sidang-Buku (Bergambar)

30 TAHUN ASEAN DALAM BUKU PERTAMA TERBITAN BERNAMA

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Saat-saat bersejarah dan wajah berwarna-warni Asean bersama 500 juta penduduknya dirakamkan dalam pelbagai gambar menarik menerusi buku pertama terbitan Bernama yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Buku bergambar setebal 200 halaman itu bertajuk "Asean: One Region One Vision" (Asean: Satu Rantau Satu Wawasan) yang diterbitkan bagi memperingati ulangtahun ke-30 Asean, dilancarkan pada satu majlis sampingan Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean di Hotel Palace of The Golden Horses.

Majlis pelancaran itu disaksikan oleh lapan lagi pemimpin negara anggota Asean -- Brunei, Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam, Myanmar dan Laos -- yang berhimpun di sini untuk menghadiri sidang kemuncak dua hari itu.

Majlis itu diadakan selepas sembilan menteri luar menandatangani Memorandum Persefahaman bagi penubuhan Yayasan Asean dan menteri-menteri ekonomi Asean memeterai Protokol untuk Melaksanakan Pakej Komitmen Awal di bawah Perjanjian Rangka Kerja Asean mengenai Perkhidmatan.

Dr Mahathir yang diiringi Pengerusi Bernama Datuk Abu Bakar Hamid, melancar dan menandatangani contoh buku itu.

Perdana Menteri Malaysia dan semua pemimpin lain Asean masing-masing akan dihadiahkan sebuah naskhah buku itu yang mengandungi 300 gambar menonjolkan Asean di bawah satu bumbung dan melihat masa lepas, kini dan akan datang pertubuhan itu.

Buku itu, yang dibahagikan kepada empat bab, menonjolkan pertubuhan itu dalam perspektif sejarah, lanskap, pembangunan dan kemajuan, penduduk, kebudayaan dan cara hidup.

Buku itu juga mengandungi satu temuramah dengan bekas Menteri Luar Thailand Tun Dr Thanat Khoman, seorang daripada mereka yang menandatangani Perisytiharan Bangkok pada Ogos 1967, bagi mewujudkan ASEAN.

Tokoh Thailand itu menceritakan bagaimana ASEAN ditubuhkan, pandangan dan harapan beliau terhadap pertubuhan itu.

Buku itu turut mengandungi temuramah dengan pemimpin-pemimpin ASEAN seperti Dr Mahathir, Presiden Filipina Fidel Ramos dan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong mengenai penilaian mereka terhadap kekuatan dan kelemahan ASEAN serta hala tuju pertubuhan itu pada masa akan datang.

Buku itu, yang disusun oleh ketua fotografi Bernama Rosli Hurmin dan disunting oleh Editor Rencana dan Berita Luar Negara Kuah Guan Oo, dicetak secara terhad dan akan dibekalkan kepada perpustakaan, jabatan-jabatan kerajaan, Sekretariat ASEAN dan kedai-kedai buku terpilih.

Perdana Menteri dalam perutusannya di dalam buku itu, berkata selepas 30 tahun mengadakan usaha bersama, Asean kini menjadi sebutan di rantau ini dengan ikatan satu wawasan bersama merangkumi kestabilan, keselamatan dan kemajuan yang dikongsi oleh para pemimpin dan penduduk Asia Tenggara.

Beliau berkata para pemimpin Asean menghadapi pelbagai cabaran untuk mengangkat martabat pertubuhan itu ke peringkat yang lebih tinggi. --

BERNAMA

TM AU NAK